

KUALA LUMPUR, 9 DIS. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGESYORKAN SUPAYA SATU 'ETIKA KERJA' SAMA SEPERTI YANG DIAMALKAN DI NEGARA JEPUN DI PERKENALKAN DI NEGARA INI. ✓

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BELIAU INGIN MELIHAT SATU ETIKA KERJA SEUMPAMA ITU DILAKSANAKAN SUPAYA NEGARA INI TERUS MAJU SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU YANG LAIN DI DUNIA.

BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM PERPISAHAN ANJURAN FIMA DI SINI BELIAU BERKATA ETIKA KERJA YANG DIAMALKAN DI JEPUN DIDAPATI AMAT BERKESAN MALAH IA MENJADI TERAS SEGALA KEMAJUAN DAN KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH NEGARA ITU SELAMA INI.

MENURUTNYA ETIKA ITU BUKAN SAJA BERJAYA MELAHIRKAN PERDAMAIAN PERUSAHAAN DI JEPUN. MALAH BERJAYA MEWUJUDKAN SIKAP SALING HORMAT-MENGHORMATI ANTARA PARA MAJIKAN DAN PEKERJA DAN SIKAP TAAT SETIA DI KALANGAN PARA PEKERJA.

+ITULAH SEBABNYA DI JEPUN, JARANG-JARANG SEKALI TIMBULNYA MASALAH PARA PEKERJA YANG MELOMPAT DARI SATU FIRMA KE FIRMA YANG LAIN.

+MALAH DI JEPUN JIKA SESEBUAH KILANG ATAU FIRMA ITU MENGHADAPI KEDUDUKAN EKONOMI YANG TIDAK SEDIKIT BAIK, PIHAK MAJIKAN TIDAK AKAN MEMBERHENTIKAN PARA PEKERJANYA. + TAMBAH BELIAU.

--BERSAMBUNG 2310/AN.

B670

MAHATHIR-ETIKA KUALA LUMPUR

36

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELAGI HAYATNYA BELIAU AKAN MEMPERJUANGKAN PERLAKSANAAN SATU ETIKA KERJA.

+JIKA IA TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN SEPENUHNYA, SAYA YAKIN PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG LAIN AKAN MEMPERJUANGKANNYA. SEHINGGA IA MENJADI KENYATAAN, + TEGASNYA.

MENGENAI FIMA, DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN SYARIKAT ITU AKAN TERUS MAJU DAN MENINGKATKAN PRESTASINYA PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

MENURUTNYA PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN FIMA SETAKAT INI MEMUASKAN WALAUPUN IA TIDAK SEBEGITU CEPAT SEPERTI PERBADANAN-PERBADANAN PERDAGANGAN KERAJAAN YANG LAIN.

INI ADALAH KERANA PERKEMBANGANNYA DIKAWAL BAGI MEMASTIKAN IA BENAR -BENAR MENCAPAI MATLAMAT DAN TUJUANNYA, JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG PERNAH MENJADI PENERUSI FIMA BER-TERIMA KASIH KEPADA PARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN SYARIKAT ITU KERANA USAHA-USAHA GIGIH MEREKA MENINGKATKAN PRESTASI FIMA.

--BERSAMBUNG 2330/AN

B671

MAHATHIR-ETIKA 3 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU Pengerusi FIMA Datuk Haji Basir Ismail dalam ucapannya berkata hasil jualan FIMA dan anak-anak syarikatnya menjelang akhir tahun ini dijangka meningkat kepada kira-kira \$150 juta iaitu meningkat dua setengah kali berbanding dengan tahun lalu.

Keuntungan yang diperolehi oleh syarikat itu juga amat memuaskan, tambahnya. Beliau bagaimanapun tidak menyebut sebarang angka.

Menurutnya FIMA kini mempunyai 24 buah anak syarikat yang berkecimpung dalam empat lapangan iaitu perladangan, pengeluaran dan pembungkusan, tangki simpanan dan perdagangan.

Datuk Haji Basir kemudian menyampaikan cenderamata perpisahan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir. Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi Pengerusi FIMA selama sembilan tahun iaitu sejak penubuhannya pada 23 Nov. 1972. Beliau meletakkan jawatan Pengerusi Syarikat itu pada 17 Ogos lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Datuk Lew Sip Hon iaitu bekas Pengerusi Kotak Malaysia (anak syarikat FIMA) dan bekas Lembaga Pengarah FIMA dan kepada Encik Tee Kong Yong, bekas Pengurus Besar Kotak Malaysia.

Turut sama di majlis itu ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Ahmad Rithauddeen.

—BERNAMA 2335/AN